PP

lwn.

KOHILA YANASEKARAN & YANG LAIN

MAHKAMAH SESYEN, KUALA LUMPUR
MAT GHANI ABDULLAH HS
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 62-44/45/46/47/48/50/326/531/532/533-2008]
25 SEPTEMBER 2014

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 143 - Perhimpunan menyalahi undang-undang - Sama ada unsur-unsur pertuduhan dibuktikan - Sama ada perintah larangan yang dikeluarkan oleh Majistret diingkari - Sama ada perintah disampaikan secara teratur dan mengikut peruntukan s. 90 Kanun Tatacara Jenayah - Sama ada penama-penama dalam perintah mempunyai pengetahuan bahawa perintah larangan dikeluarkan terhadap mereka - Sama ada tertuduh-tertuduh mempunyai tujuan bersama untuk melakukan mudarat awam - Sama ada bukti dikemukakan bahawa perhimpunan haram diadakan - Kanun Keseksaan, ss. 141 & 188*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 186 - Menghalang penjawat awam dari melakukan kerja-kerja jawatannya - Sama ada terdapat ugutan atau pertuturan kata-kata kesat - Sama ada ugutan disertai dengan tindakan agresif atau perlakuan yang mengancam - Sama ada tindakan tertuduh dianggap menghalang penjawat awam*

Kesemua tertuduh ('OKT-OKT') telah dituduh dengan kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 143 Kanun Keseksaan, iaitu, perhimpunan menyalahi undang-undang, dan s. 188 Kanun Keseksaan, iaitu mengingkari perintah Majistret. OKT36 pula dituduh di bawah s. 186 Kanun Keseksaan kerana menghalang penjawat awam dari melakukan kerja-kerja jawatannya. Berdasarkan fakta, pada 20 Januari 2008, Ketua Polis Daerah Dang Wangi ('SP8') telah menerima maklumat bahawa satu gabungan membantah kenaikan harga minyak dan harga barangan ('gabungan protes') akan diadakan pada 26 Januari 2008, mulai 3 petang di hadapan Kuala Lumpur City Center ('KLCC'). Menurut SP8, tiada permit dikeluarkan oleh pihak polis berkaitan perhimpunan tersebut. Sehubungan dengan ini, satu perintah dari Mahkamah Majistret telah dikeluarkan ke atas enam penama-penama dan perintah tersebut membutirkan zon larangan yang melarang penama-penama tersebut dari berhimpun di tempat-tempat yang dinyatakan. Perintah larangan tersebut telah diperoleh pada 25 Januari 2008 dan satu

pengumuman melalui sidang media telah dibuat berkenaan larangan tersebut. Perintah tersebut juga telah ditampal di beberapa kawasan di sekitar KLCC. Pada 26 Januari 2008, seramai lebih kurang 100 sehingga 150 orang telah berkumpul di sekitar bangunan KLCC dan apabila arahan bersurai tidak diendahkan, SP8 telah mengarahkan pegawai dan anggota polis yang bertugas untuk menjalankan tangkapan. Berdasarkan keterangan saksi-saksi pendakwaan, tangkapan telah dibuat ke atas OKT-OKT di tempat-tempat berlainan di sekitar KLCC. Antara isu-isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan adalah (i) sama ada intipati pertuduhan di bawah s. 143 Kanun Keseksaan dibuktikan; (ii) sama ada OKT-OKT mempunyai tujuan bersama ("common objective"); (iii) sama ada tujuan bersama OKT-OKT semasa perhimpunan adalah untuk melakukan mudarat awam; (iv) sama ada terdapat perhimpunan haram; (v) sama ada penyampaian perintah mahkamah dilakukan mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah s. 90 KTJ; dan (vi) sama ada OKT36 telah menghalang penjawat awam dari menjalankan kerja-kerja jawatannya.

Diputuskan (kesemua OKT-OKT dilepaskan dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri):

(1) Intipati-intipati yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan bagi kesalahan di bawah s. 143 Kanun Keseksaan adalah (i) berlakunya suatu perhimpunan seramai lima orang atau lebih; (ii) OKT-OKT menjadi seorang anggota perhimpunan yang menyalahi undang-undang; dan (iii) tujuan bersama ("common objective") OKT-OKT dalam perhimpunan adalah untuk melakukan lain-lain kesalahan, iaitu, mudarat awam. Bukti niat OKT-OKT bahawa mereka masing-masing terlibat dalam satu perhimpunan yang menyalahi undang-undang adalah persoalan fakta dan pelu dilihat melalui inferens berdasarkan kepada keadaan persekitaran. (perenggan 12 & 14)

(2) Bagi intipati tujuan bersama, tiada keperluan untuk menunjukkan bahawa terdapatnya pertemuan minda antara OKT-OKT sebelum perhimpunan menyalahi undang-undang diadakan. Tambahan, berdasarkan keterangan serta gambar-gambar yang dikemukakan, adalah jelas bahawa tiadanya sebarang perhimpunan seperti yang dinyatakan di dalam pertuduhan terhadap OKT-OKT. Keterangan saksi pendakwaan yang menyatakan bahawa terdapatnya perhimpunan seramai lapan sehingga sepuluh orang di kawasan terbabit tidak

menyatakan secara jelas siapakah orang-orang itu yang dikatakan berhimpun di kawasan tersebut. Tiada gambar yang menunjukkan bahawa kesemua tertuduh sedang berhimpun dan apa yang ditunjukkan di dalam gambar-gambar tersebut adalah gambar tangkapan dan orang ramai yang melihat tangkapan tersebut. (perenggan 15, 19 & 20)

(3) Tiada keterangan yang menunjukkan bahawa (i) mana-mana OKT adalah anggota suatu perhimpunan yang menyalahi undang-undang dan mengetahui akan hal-hal yang menjadikan perhimpunan tersebut suatu perhimpunan yang menyalahi undang-undang; dan (ii) kesemua OKT mempunyai tujuan yang sama dengan tertuduh-tertuduh lain ketika berada di sekitar KLCC dan di hadapan pintu masuk stesen LRT Ampang Park. Tindakan untuk memberitahu penama-penama dalam perintah larangan melalui sidang media dan akhbar serta menampal perintah tersebut di kawasan Dang Wangi tidak bermakna yang mereka telah benar-benar tahu atau sedar tentang perintah tersebut. Tambahan, pertuduhan adalah cacat di mana perkataan "tujuan bersama" tidak dinyatakan. (perenggan 21, 22 & 24)

(4) Tiada apa-apa asas dari pihak pendakwaan yang menunjukkan bahawa mereka yang berada di sekitar kawasan tersebut telah melakukan mudarat awam. Seksyen 141 Kanun Keseksaan tidak menunjukkan peruntukan "mudarat awam". Adalah tidak wajar untuk pihak pendakwaan menjadikan kesalahan mudarat awam ditafsirkan sebagai "lain-lain kesalahan" sebagaimana dinyatakan di dalam s. 141(c). Tambahan, mudarat awam tidak boleh ditafsirkan secara luas dan umum yang merangkumi apa sahaja kesalahan. Pemakaian secara umum sebegitu akan memprejudiskan tertuduh kerana pihak pendakwaan gagal mendedahkan sifat kesalahan tersebut dengan tepat. (perenggan 25-27)

(5) Pihak pendakwaan harus membuktikan bahawa OKT-OKT ditahan kerana mereka terlibat dalam perhimpunan yang menyalahi undang-undang dan bukannya semata-mata kerana mereka berada di kawasan tersebut ataupun sekitarnya pada hari kejadian. Fakta bahawa seseorang itu hanya berada di kawasan sekitar semasa kejadian ini berlaku tidak mencukupi untuk membuktikan bahawa orang itu turut terlibat sama di dalam perhimpunan yang menyalahi undang-undang.

Berdasarkan fakta, tiada bukti jelas yang menunjukkan sebab sebenar OKT-OKT ditahan pada hari kejadian tersebut. Oleh kerana unsur utama di bawah s. 141 Kanun Keseksaan tidak dapat dibuktikan, maka secara tidak langsung, telah terputusnya rangkaian keterangan yang dibawa oleh pihak pendakwaan dan dengan itu, pertuduhan di bawah s. 143 tidak dapat dibuktikan. (perenggan 29, 33 & 34)

(6) Unsur pengetahuan adalah penting dalam kes di bawah s. 188 Kanun Keseksaan yang dibaca dengan s. 90 KTJ. Matlamat utama s. 90 adalah untuk memastikan bahawa perintah mahkamah tersebut dihantar serah dan sampai ke pengetahuan penama-penama. Berdasarkan fakta, perintah mahkamah tidak menyebut semua nama-nama tertuduh lain secara khusus dan tidak menjelaskan secara terperinci mengenai siapakah yang dimaksudkan sebagai penyokong gabungan protes tersebut. Tanpa penyampaian yang sempurna, OKT-OKT tidak boleh dikatakan mempunyai pengetahuan yang khusus mengenai perintah mahkamah tersebut serta kandungannya di mana penyampaian perintah itu telah menimbulkan banyak keraguan dan kekeliruan. Penampalan perintah tersebut tidak mencukupi kerana kandungannya tidak tepat dan mengelirukan. Tambahan, peta lakaran yang memberi gambaran kawasan-kawasan larangan adalah mengelirukan dan sukar untuk difahami di mana pelbagai penilaian yang berbeza boleh dibuat. Kegagalan mematuhi kehendak s. 90 KTJ telah memudaratkan kes pihak pendakwaan. (perenggan 36, 37, 39, 40 & 43)

(7) Seseorang itu tidak boleh dikatakan telah mengingkari perintah mahkamah sekiranya dia tidak tahu mengenainya. Memandangkan tertuduh-tertuduh lain bukanlah salah seorang daripada lima orang penama yang dinyatakan di dalam perintah mahkamah tersebut dan tidak boleh dipastikan sebagai salah seorang penyokong gabungan protes, maka, pastilah mereka tidak diserahkan dengan perintah mahkamah sebelum 26 Januari 2008. Mereka juga gagal dimaklumkan berkenaan perintah mahkamah tersebut pada hari kejadian. Tambahan, sebahagian besar tertuduh tidak berada di dalam zon larangan. (perenggan 44-46)

(8) Tiada keterangan yang menunjukkan bahawa kesemua OKT-OKT merupakan penyokong gabungan protes dan dakwaan bahawa seseorang itu adalah penyokong gabungan tersebut berdasarkan kepada pakaian dan keadaan seseorang itu tidak boleh diterima. Pegawai yang telah menangkap tertuduh-

tertuduh hanya membuat tangkapan berdasarkan arahan tanpa memastikan bahawa perlanggaran undang-undang telah berlaku. Tiada sebarang gambar yang dikemukakan untuk menunjukkan bahawa (i) tertuduh-tertuduh atau lain-lain orang kena tuduh yang ditangkap pada hari tersebut telah memakai sebarang lencana ataupun logo; dan (ii) adanya tindakan pengawasan dilakukan oleh pihak polis. Tambahan, tiada amaran diberikan sebelum tangkapan dilakukan dan laporan yang menyatakan bahawa tertuduh telah diminta secara berhemah dan bersopan untuk diperiksa oleh mereka. (perenggan 47 & 54)

(9) Berdasarkan s. 186 Kanun Keseksaan, seseorang itu boleh dikatakan telah melakukan kesalahan menghalang penjawat awam semasa menjalankan kerja-kerja jawatannya apabila (i) pihak yang dihalang merupakan seorang penjawat awam; dan (ii) melakukan halangan, penjawat awam tersebut sedang menjalankan kerja-kerja jawatannya. Halangan yang dinyatakan bukanlah sekadar ugutan atau pertuturan kata-kata kesat sahaja. Sesuatu ugutan itu perlu disertai dengan tindakan agresif atau perlakuan yang mengancam sebelum ianya boleh dianggap sebagai satu halangan. Berdasarkan fakta, tiada keterangan yang menunjukkan bahawa OKT36 telah bertindak agresif atau perlakuan mengancam yang membolehkan dia dianggap menghalang penjawat awam. (perenggan 55 & 56)

Kes-kes yang dirujuk:
Abhiram Sahai v. State (1960) 2 Orissa ID 401; 26 Cut LT 596 ***(dirujuk)***
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Baladin & Ors v. State of Uttar Pradesh AIR [1956] SC 181 ***(dirujuk)***
Bharat Raut & Others v. The State AIR 1953 Cri LJ 1787 ***(dirujuk)***
Dalganjan Koeri & Ors v. State AIR 1956 All 630 ***(dirujuk)***
Durga Dass Sohanlal & Ors v. The State [1960] AIR Pun 271 ***(dirujuk)***
Emperor v. Raghunath Venaik Dhulekar & Anor AIR [1925] All 165 ***(dirujuk)***
Mohd Haikal Mohd Khatib Saddaly & Ors v. PP [2011] 5 CLJ 369 CA ***(dirujuk)***
Nandlal Mitra v. State AIR [1968] Cal 523 ***(dirujuk)***
Niharendu Dutt Majumdar v. Emperor AIR [1939] Cal 703 ***(dirujuk)***
Pradip Chowdhury v. State AIR [1960] Assam 20 ***(dirujuk)***
Saroj Hazra v. King Emperor 48 Cr LJ 1947 ***(dirujuk)***
State v. Bhairu Sattu Berad [1956] Cr LJ 1066 ***(dirujuk)***
State v. SM Tugla AIR [1955] All 423 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 90, 98, 160, 173(f)(1), 261
Penal Code, ss. 141(c), 143, 149, 183, 186, 188

Penal Code [India], s. 188

Bagi pihak pendakwaan - How May Ling; TPR
Bagi pihak tertuduh - Roger Chan dan MOB Shariza dan Ngeow, Jason Tay - OKT 29 (Thian Chua) bersama Bryan Ho, Nasir Khan

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Mat Ghani Abdullah HS:

Pendahuluan

[1] Kesemua orang-orang kena tuduh ini (selepas ini dirujuk sebagai OKT-OKT) telah dituduh dengan dua pertuduhan masing-masing di bawah s. 143 Kanun Keseksaan iaitu perhimpunan menyalahi undang-undang dan s. 188 Kanun Keseksaan iaitu mengingkari perintah Majistret. Kecuali OKT bernama Syed Jaymal bin Syed Kamal, dia dituduh di bawah s. 186 Kanun Keseksaan kerana menghalang penjawat awam.

[2] Pada mulanya kes ini telah dibicarakan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) Tuan Haji Mohammad Sekeri bin Mamat yang mana keseluruhan saksi pihak pendakwaan telah didengar oleh beliau sehingga pihak pendakwaan menutup kesnya. Malangnya sebelum beliau sempat membuat keputusan pada akhir kes pendakwaan beliau telah diserang sakit angin ahmar dan sehingga hampir lumpuh keseluruhan badan dan tidak berupaya untuk meneruskan pendengaran kes ini. Ekoran peristiwa malang ini terhadap HMS tersebut, saya telah diarahkan supaya meneruskan pendengaran kes ini dan di atas persetujuan semua pihak saya telah meneruskan pendengaran kes ini setakat mana yang telah didengar oleh hakim terdahulu. Saya menggunapakai peruntukan di bawah s. 261 KPJ di dalam tindakan saya meneruskan pendengaran kes ini. Pada masa yang sama OKT telah diberi kebebasan untuk memanggil semula mana-mana saksi yang telah dipanggil sebelum ini.

Pertuduhan

[3] Terdapat sepuluh kes yang merangkumi kesemua pertuduhan-pertuduhan terhadap kesemua OKT. Di atas permohonan pihak pendakwaan kesemua kes dan OKT ini telah dibicara serentak sebagaimana kehendak s. 160 KPJ kerana melibatkan transaksi yang sama. Kedua-dua pertuduhan di bawah ss. 143 dan 188 Kanun Keseksaan terhadap setiap OKT adalah serupa dan apa yang

membezakan di antara pertuduhan tersebut hanya dari segi tempat dan masa sahaja. Untuk lebih memahami pertuduhan-pertuduhan dan sepuluh kes tersebut adalah seperti berikut:

(i) Kes Tangkap No. 62-44-08

1. Kohila a/p Yanasekaran (OKT1)

2. Thinamaran a/l Palaniandy

[4] OKT ini telah mengaku bersalah pada tarikh 12 Januari 2011. Fakta kes yang dikemukakan ditandakan sebagai eks. P50. Bagi pertuduhan pertama dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM300 (tidak bayar penjara satu bulan) dan bagi pertuduhan kedua dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM300 (tidak bayar penjara satu bulan).

Pertuduhan pertama

Bahawa kamu bersama-sama pada 26 Januari 2008 pada jam lebih kurang 3.30 petang di hadapan Bangunan OSK Investment Bank, Jalan Ampang, di dalam daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, adalah ahli perhimpunan yang menyalahi undang-undang, yang mana tujuan perhimpunan itu ialah melakukan mudarat awam (public nuisance) dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 143 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan kedua

Bahawa kamu bersama-sama adalah penyokong "Gabungan Protes" dan dengan mengetahui bahawa kamu telah diarahkan untuk tidak hadir atau berada atau mengambil bahagian dalam satu perhimpunan dalam radius satu kilometer dari bangunan KLCC meliputi persimpangan Jalan Ampang-Jalan Lumba Kuda serta persimpangan Jalan Ampang-Jalan P.Ramlee dan radius satu kilometer dari bangunan Masjid As-Syakirin meliputi persimpangan Jalan Lumba Kuda-Jalan Binjai, yang mana perhimpunan di kawasan-kawasan tersebut telah dilarang melalui satu perintah yang telah diisytiharkan pada 25 Januari 2008 oleh Majistret Aizatul Akmal bin Maharani, seorang penjawat awam yang diberi kuasa di bawah seksyen 98 Kanun Tatacara Jenayah, telah pada 26 Januari 2008 di antara jam lebih kurang 3.30 petang mengengkari arahan tersebut dengan menghadiri perhimpunan di hadapan Bangunan OSK Investment Bank, Jalan Ampang, dalam Daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan keengkaran kamu telah menyebabkan kegusaran kepada orang ramai yang

berkunjung ke kawasan tersebut; dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 188 Kanun Keseksaan.

(ii) Kes Tangkap No. 62-45-08

1. Gomathi a/p Gunalan (OKT2)

2. Kamaruddin bin Md Tahir (OKT3)

Pertuduhan pertama

Bahawa kamu bersama-sama pada 26 Januari 2008 di antara jam lebih kurang 2.45 petang hingga jam 4.25 petang di Avenue K, Jalan Ampang, di dalam daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, adalah ahli perhimpunan yang menyalahi undang-undang, yang mana tujuan perhimpunan itu ialah melakukan mudarat awam (public nuisance) dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 143 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan kedua

Bahawa kamu bersama-sama adalah penyokong "Gabungan Protes" dan dengan mengetahui bahawa kamu telah diarahkan untuk tidak hadir atau berada atau mengambil bahagian dalam satu perhimpunan dalam radius satu kilometer dari bangunan KLCC meliputi persimpangan Jalan Ampang-Jalan Lumba Kuda serta persimpangan Jalan Ampang-Jalan P.Ramlee dan radius satu kilometer dari bangunan Masjid As-Syakirin meliputi persimpangan Jalan Lumba Kuda-Jalan Binjai, yang mana perhimpunan di kawasan-kawasan tersebut telah dilarang melalui satu perintah yang telah diisytiharkan pada 25 Januari 2008 oleh Majistret Aizatul Akmal bin Maharani. seorana penjawat awam yang diberi kuasa di bawah seksyen 98 Kanun Tatacara Jenayah, telah pada 26 Januari 2008 di antara jam lebih kurang 2.45 petang hingga jam 4.25 petang mengengkari arahan tersebut dengan menghadiri perhimpunan di hadapan Avenue K, Jalan Ampang, dalam Daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan keengkaran kamu telah menyebabkan kegusaran kepada orang ramai yang berkunjung ke kawasan tersebut, dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 188 Kanun Keseksaan.

(iii) Kes Tangkap No. 62-46-08

1. Mohamed bin Sabu

2. Dzulkefly bin Ahmad

3. Badrul Amin bin Baharum

4. Md Yusof Abdullah

5. T Mohan a/l Ellen @ Thandavamurthi

6. Khairul Nizad b. Edinan

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu bersama-sama pada 26 Januari 2008 jam lebih kurang 3.30 petang di hadapan Wisma Central, Jalan Ampang, di dalam daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, adalah ahli perhimpunan yang menyalahi undang-undang, yang mana tujuan perhimpunan itu ialah melakukan mudarat awam (public nuisance) dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 143 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu bersama-sama adalah penyokong "Gabungan Protes" dan dengan mengetahui bahawa kamu telah diarahkan untuk tidak hadir atau berada atau mengambil bahagian dalam satu perhimpunan dalam radius satu kilometer dari bangunan KLCC meliputi persimpangan Jalan Ampang-Jalan Lumba Kuda serta persimpangan Jalan Ampang-Jalan P.Ramlee dan radius satu kilometer dari bangunan Masjid As-Syakirin meliputi persimpangan Jalan Lumba Kuda-Jalan Binjai, yang mana perhimpunan di kawasan-kawasan tersebut telah dilarang melalui satu perintah yang telah diisytiharkan pada 25 Januari 2008 oleh Majistret Aizatul Akmal bin Maharani, seorang penjawat awam yang diberi kuasa di bawah seksyen 98 Kanun Tatacara Jenayah, telah pada 26 Januari 2008 pada jam lebih kurang 3.30 petang mengengkari arahan tersebut dengan menghadiri perhimpunan di hadapan Wisma Central, Jalan Ampang, dalam Daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan keengkaran kamu telah menyebabkan kegusaran kepada orang ramai yang berkunjung ke kawasan tersebut; dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 188 Kanun Keseksaan.

(iv) Kes Tangkap No. 62-47-08

1. Arutchelvan a/l Subramaniams

2. Raj Munni bt Sabu

3. Nor Aziyati binti Ashary

4. Mai Suharah bt Basaruddin

5. Nashita bt Md Noor

6. Siti Fatimah Hidayah bt Ismail

7. Muhammad Hidayat b. Shafie

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu bersama-sama pada 26 Januari 2008 di antara jam lebih kurang 1.35 petang hingga jam 3.00 petang di hadapan pintu masuk Stesen LRT Ampang Park, Jalan Ampang, di dalam daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, adalah ahli perhimpunan yang menyalahi undang-undang, yang mana tujuan perhimpunan itu ialah melakukan mudarat awam (public nuisance) dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 143 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua Untuk OKT1 (Arutchelvan a/l Subramaniams)

Bahawa kamu dengan mengetahui bahawa kamu telah diarahkan untuk tidak hadir atau berada atau mengambil bahagian dalam satu perhimpunan dalam radius satu kilometer dari bangunan KLCC meliputi persimpangan Jalan Ampang-Jalan Lumba Kuda serta persimpanaan Jalan Ampang-Jalan P.Ramlee dan radius satu kilometer dari bangunan Masjid As-Syakirin meliputi persimpanaan Jalan Lumba Kuda-Jalan Binjai, yang mana perhimpunan di kawasan-kawasan tersebut telah dilarang melalui satu perintah yang telah diisytiharkan pada 25 Januari 2008 oleh Majistret Aizatul Akmal bin Maharani, seorang penjawat awam yang diberi kuasa di bawah seksyen 98 Kanun Tatacara Jenayah, telah pada 26 Januari 2008 di antara jam lebih kurang 1.35 - petang hingga jam 3.00 petang mengengkari arahan tersebut dengan menghadiri perhimpunan di hadapan pintu masuk Stesen LRT Ampang Park, Jaian Ampang, dalam daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan keengkaran kamu telah menyebabkan kegusaran kepada orang ramai yang berkunjung ke kawasan tersebut; dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 188 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua Untuk OKT2 Hingga OKT7

Bahawa kamu bersama-sama adalah penyokong "Gabunaan Protes" dan dengan mengetahui bahawa kamu telah diarahkan untuk tidak hadir atau berada atau mengambil bahagian dalam satu perhimpunan dalam radius satu kilometer dari bangunan KLCC meiiputi persimpangan Jalan Ampang-Jalan Lumba Kuda serta persimpangan Jalan Ampang-Jalan P.Ramlee dan radius satu kilometer dari bangunan Masjid As-Syakirin meliputi persimpangan Jalan Lumba Kuda-Jalan Binjai, yang mana perhimpunan di kawasan-kawasan tersebut telah dilarang melalui satu perintah yang telah diisytiharkan pada 25 Januari 2008 oleh Majistret Aizatul

Akmal bin Maharani, seorang penjawat awam yang diberi kuasa di bawah seksyen 98 Kanun Tatacara Jenayah, telah pada 26 Januari 2008 di antara jam iebih kurang 1.35 petang hingga jam 3.00 petang mengengkari arahan tersebut dengan menghadiri perhimpunan di hadapan pintu masuk Stesen LRT Ampang Park, Jalan Ampang, dalam daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan keengkaran kamu telah menyebabkan kegusaran kepada orang ramai yang berkunjung ke kawasan tersebut; dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 188 Kanun Keseksaan.

(v) Kes Tangkap No. 62-48-08

1. Izamuddin bin Ludin
2. Solahuddin AL Ayubi bin Yahya
3. Marzuki bin Abdullah
4. Fadhil b. Osman
5. Mohd Azmir bin Zambrose
6. Muhamad Zaid b. Mohamed Ibrahim
7. Norazimah binti Mohamad Nor
8. Amin Shah bin Iskandar
9. Muhammad Zaidi bin Din
10. Paneerselvam a/l Varathan
11. Mohanarani a/p Rasiah
12. Sukumaran a/l Munisamy
13. Ganesan a/l Danapal
14. Mohd Nasir bin Hussin
15. Nera a/l Ramasami
16. Vijaya a/p Tankuvellu
17. Saravathy a/p Muthu

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu bersama-sama pada 26 Januari 2008 di antara jam lebih kurang 2.45 petang hingga jam 4.30 petang di Kuala Lumpur City Centre, Jalan Ampang, di dalam daerah Dang Wangi, di

dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, adalah ahli perhimpunan yang menyalahi undang-undang, yang mana tujuan perhimpunan itu ialah melakukan mudarat awam (public nuisance) dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 143 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu bersama-sama adalah penyokong "Gabungan Protes" dan dengan mengetahui bahawa kamu telah diarahkan untuk tidak hadir atau berada atau mengambil bahagian dalam satu perhimpunan dalam radius satu kilometer dari bangunan KLCC meliputi persimpangan Jalan Ampang-Jalan Lumba Kuda serta persimpangan Jalan Ampang-Jalan P.Ramlee dan radius satu kilometer dari bangunan Masjid As-Syakirin meliputi persimpangan Jalan Lumba Kuda-Jalan Binjai, yang mana perhimpunan di kawasan-kawasan tersebut telah dilarang melalui satu perintah yang telah diisytiharkan pada 25 Januari 2008 oleh Majistret Aizatul Akmal bin Maharani, seorang penjawat awam yang diberi kuasa di bawah seksyen 98 Kanun Tatacara Jenayah, telah pada 26 Januari 2008 di antara jam lebih kurang 2.45 petang hingga jam 4.30 petang mengengkari arahan tersebut dengan menghadiri perhimpunan di hadapan Kuala Lumpur City Centre, Jalan Ampang, dalam Daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan keengkaran kamu telah menyebabkan kegusaran kepada orang ramai yang berkunjung ke kawasan tersebut; dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 188 Kanun Keseksaan.

(vi) Kes Tangkap No. 62-50-08

Syed Jaymal bin Syed Kamal

Pertuduhan

Bahawa kamu, pada jam lebih kurang 3.00 petang 26 Januari 2008 di hadapan Stesyen LRT Ampang Park, Jalan Ampang, dalam daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah dengan sengaja menghalang seorang penjawat awam iaitu Cif Inspektor Effendi bin Abdul Rahman (1/11902) pada menjalankan tugasnya sebagai Pegawai Polis, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 186 Kanun Keseksaan.

(vii) Kes Tangkap No. 62-326-08

1. Sarawanan a/l Perumal

2. Mohd Zamhuri bin Abu Tahir

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu bersama-sama pada 26 Januari 2008 di antara jam lebih kurang 2.45 petang hingga jam 4.25 petang di Avenue K, Jalan Ampang, di dalam daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, adalah ahli perhimpunan yang menyalahi undang-undang, yang mana tujuan perhimpunan itu ialah melakukan mudarat awam (public nuisance) dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 143 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu bersama-sama adalah penyokong "Gabungan Protes" dan dengan mengetahui bahawa kamu telah diarahkan untuk tidak hadir atau berada atau mengambil bahagian dalam satu perhimpunan dalam radius satu kilometer dari bangunan KLCC meliputi persimpangan Jalan Ampang-Jalan Lumba Kuda serta persimpangan Jalan Ampang-Jalan P.Ramlee dan radius satu kilometer dari bangunan Masjid As-Syakirin meliputi persimpangan Jalan Lumba Kuda-Jalan Binjai, yang mana perhimpunan di kawasan-kawasan tersebut telah dilarang melalui satu perintah yang telah diisytiharkan pada 25 Januari 2008 oleh Majistret Aizatul Akmal bin Maharani, seorang penjawat awam yang diberi kuasa di bawah seksyen 98 Kanun Tatacara Jenayah, telah pada 26 Januari 2008 di antara jam lebih kurang 2.45 petang hingga jam 4.25 petang mengengkari arahan tersebut dengan menghadiri perhimpunan di hadapan Avenue K, Jalan Ampang, dalam Daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan keengkaran kamu telah menyebabkan kegusaran kepada orang ramai yang berkunjung ke kawasan tersebut; dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 188 Kanun Keseksaan.

(viii) Kes Tangkap No. 62-531-08

Chuah Tian Chang

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu bersama-sama pada 26 Januari 2008 di antara jam lebih kurang 2.45 petang hingga jam 4.25 petang di Avenue K, Jalan Ampang, di dalam Daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur, adalah ahli perhimpunan yang menyalahi undang-undang, yang mana tujuan perhimpunan itu ialah melakukan mudarat awam (public nuisance) dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 143 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu dengan mengetahui bahawa kamu telah diarahkan untuk tidak hadir atau berada atau mengambil bahagian dalam satu perhimpunan dalam radius satu kilometer dari bangunan KLCC meliputi persimpangan Jalan Ampang-Jalan Lumba Kuda serta persimpangan Jalan Ampang-Jalan P. Ramlee dan radius satu kilometer dari bangunan Masjid As-Syakirin meliputi persimpangan Jalan Lumba Kuda-Jalan Binjai, yang mana perhimpunan di kawasan-kawasan tersebut telah dilarang melalui satu perintah yang telah diisytiharkan pada 25 Januari 2008 oleh Majistret Aizatul Akmal bin Maharani, seorang penjawat awam yang diberi kuasa di bawah seksyen 98 Kanun Tatacara Jenayah, telah pada 26 Januari 2008 di antara jam lebih kurang 2.45 petang hingga jam 4.30 petang mengengkari arahan tersebut dengan menghadiri perhimpunan di hadapan Kuala Lumpur City Centre, Jalan Ampang, di dalam Daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan keengkaran kamu telah menyebabkan kegusaran kepada orang ramai yang berkunjung ke kawasan tersebut; dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 188 Kanun Keseksaan.

(ix) Kes Tangkap No. 62-532-08

1. Mohd Hatta bin Md Ramli
2. Chong Kok Wei @ Jonson Kok Wei Chong

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu bersama-sama pada 26 Januari 2008 di antara jam lebih kurang 2.45 petang hingga jam 4.30 petang di Kuala Lumpur City Centre, Jalan Ampang, di dalam Daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, adalah ahli perhimpunan yang menyalahi undang-undang, yang mana tujuan perhimpunan itu ialah melakukan mudarat awam (public nuisance) dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 143 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua Untuk OKT1

Bahawa kamu bersama-sama dengan mengetahui bahawa kamu telah diarahkan untuk tidak hadir atau berada atau mengambil bahagian dalam satu perhimpunan dalam radius satu kilometer dari bangunan KLCC meliputi persimpangan Jalan Ampang-Jalan

Lumba Kuda serta persimpangan Jalan Ampang-Jalan P. Ramlee dan radius satu kilometer dari bangunan Masjid As-Syakirin meliputi persimpangan Jalan Lumba Kuda-Jalan Binjai, yang mana perhimpunan di kawasan-kawasan tersebut telah dilarang melalui satu perintah yang telah diisytiharkan pada 25 Januari 2008 oleh Majistret Aizatul Akmal bin Maharani, seorang penjawat awam yang diberi kuasa di bawah seksyen 98 Kanun Tatacara Jenayah, telah pada 26 Januari 2008 di antara jam lebih kurang 2.45 petang dan 4.30 petang mengengkari arahan tersebut dengan menghadiri perhimpunan di hadapan Kuala Lumpur City Centre, Jalan Ampang, di dalam Daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan keengkaran kamu telah menyebabkan kegusaran kepada orang ramai yang berkunjung ke kawasan tersebut; dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 188 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua Untuk OKT2

Bahawa kamu adalah penyokong "Gabungan Protes" dan dengan mengetahui bahawa kamu telah diarahkan untuk tidak hadir atau berada atau mengambil bahagian dalam satu perhimpunan dalam radius satu kilometer dari bangunan KLCC meliputi persimpangan Jalan Ampang-Jalan Lumba Kuda serta persimpangan Jalan Ampang-Jalan P. Ramlee dan radius satu kilometer dari bangunan Masjid As-Syakirin meliputi persimpangan Jalan Lumba Kuda-Jalan Binjai, yang mana perhimpunan di kawasan-kawasan tersebut telah dilarang melalui satu perintah yang telah diisytiharkan pada 25 Januari 2008 oleh Majistret Aizatul Akmal bin Maharani, seorang penjawat awam yang diberi kuasa di bawah seksyen 98 Kanun Tatacara Jenayah, telah pada 26 Januari 2008 di antara jam lebih kurang 2.45 petang dan 4.30 petang mengengkari arahan tersebut dengan menghadiri perhimpunan di hadapan Kuala Lumpur City Centre, Jalan Ampang, di dalam Daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan keengkaran kamu telah menyebabkan kegusaran kepada orang ramai yang berkunjung ke kawasan tersebut; dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 188 Kanun Keseksaan.

(x) Kes Tangkap No. 62-533-08

1. Tan Chee Hoi
2. Ginie Lim Siew Lin
3. Mohd Azhar bin Yaacob
4. Mohamed bin Nawi

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu bersama-sama pada 26 Januari 2008 di antara jam lebih kurang 2.45 petang dan 4.25 petang di hadapan Avenue K, Jalan Ampang, di dalam Daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, adalah ahli perhimpunan yang menyalahi undang-undang, yang mana tujuan perhimpunan itu ialah melakukan mudarat awam (public nuisance) dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 143 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu bersama-sama adalah penyokong "Gabungan Protes" dan dengan mengetahui bahawa kamu telah diarahkan untuk tidak hadir atau berada atau mengambil bahagian dalam satu perhimpunan dalam radius satu kilometer dari bangunan KLCC meliputi persimpangan Jalan Ampang-Jalan Lumba Kuda serta persimpangan Jalan Ampang-Jalan P. Ramlee dan radius satu kilometer dari bangunan Masjid As-Syakirin meliputi persimpangan Jalan Lumba Kuda-Jalan Binjai, yang mana perhimpunan di kawasan-kawasan tersebut telah dilarang melalui satu perintah yang telah diisytiharkan pada 25 Januari 2008 oleh Majistret Aizatul Akmal bin Maharani, seorang penjawat awam yang diberi kuasa di bawah seksyen 98 Kanun Tatacara Jenayah, telah pada 26 Januari 2008 di antara jam lebih kurang 2.45 petang dan 4.25 petang mengengkari arahan tersebut dengan menghadiri perhimpunan di hadapan Avenue K, Jalan Ampang, di dalam Daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan keengkaran kamu telah menyebabkan kegusaran kepada orang ramai yang berkunjung ke kawasan tersebut; dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 188 Kanun Keseksaan.

Beban Pembuktian

[5] Berdasarkan s. 173(f)(1) Kanun Tatacara Jenayah, beban pembuktian di akhir kes pihak pendakwaan adalah untuk pihak pendakwaan membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT. Seksyen 173(f)(1) memperuntukkan:

> When the case for the prosecution is concluded, the court shall consider whether the prosecution has made out a *prima facie* case against the accused.

[6] Merujuk kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85, Augustine Paul JCA menyatakan di ms. 99-100:

> A *prima facie* case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This is turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal.
>
> ... The test at the close of the prosecution would therefore be: Is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent? If the answer is in the affirmative then a *prima facie* case has been made out.

Fakta Kes

[7] Pihak pendakwaan telah memanggil 39 saksi pendakwaan bagi membuktikan kes mereka. Secara amnya fakta kes pihak pendakwaan adalah seperti berikutnya: Pada 20 Januari 2008, Ketua Polis Daerah Dang Wangi ACP Zulkarnain bin Abdul Rahman (SP8) telah menerima satu maklumat bahawa satu Gabungan Membantah Kenaikan Harga Minyak dan Harga Barangan (selepas ini disebut sebagai "Gabungan Protes") akan menghadiri perhimpunan membantah kenaikan harga minyak dan harga barangan yang akan diadakan pada 26 Januari 2008 mulai 3 petang di hadapan Kuala Lumpur City Centre (selepas ini disebut sebagai "KLCC") Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur.

[8] Menurut SP8 tiada permit dikeluarkan oleh pihak polis berkaitan perhimpunan yang akan diadakan tersebut. Sehubungan itu, pada 25 Januari 2008, SP8 telah mendapatkan perintah Mahkamah Majistret Aizatul Akmal bin Maharani, di bawah s. 98 Kanun Tatacara Jenayah ke atas enam penama iaitu:

(1) Dr Hatta bin Ramli;

(2) Chuah Tian Chua @ Tian Chua;

(3) Arutchelvam a/l Subramaniam;

(4) Ooi Dze Min @ Simon Ooi;

(5) Ronnie Liew Thiam Khew;

(6) Mana-mana penyokong Gabungan Protes.

[9] Lanjutan itu satu perintah Mahkamah Majistret Kuala Lumpur ialah berdasar Permohonan Jenayah No. 3-89-0018 tahun 2008 bertarikh 25 Januari 2008 (P5). Perintah tersebut melarang penama-penama yang dinyatakan di atas daripada berhimpun di tempat-tempat berikut:

(i) Radius satu (1) km dari bangunan KLCC meliputi persimpangan Jalan Ampang-Jalan Lumba Kuda serta persimpangan Jalan Ampang-Jalan P. Ramlee iaitu Zon A; dan

(ii) Radius satu (1) km dari bangunan Masjid As-Syakirin meliputi persimpangan Jalan Lumba Kuda-Jalan Binjai iaitu Zon B serta melarang dan memberi amaran agar mereka tidak hadir, berada atau mengambil apa-apa bahagian dalam perhimpunan tersebut.

[10] Perintah larangan tersebut telah diperoleh pada 25 Januari 2008 dan menurut SP8 satu pengumuman dibuat melalui sidang media berhubung larangan tersebut. Perintah tersebut juga ditampal di beberapa kawasan di sekitar KLCC, Kuala Lumpur. Berikutan itu, polis telah diarahkan untuk bertugas pada 26 Januari 2008 seawal 10 pagi di semua kawasan yang dilarang berhimpun.

[11] Pada 26 Januari 2008, lebih kurang jam 3.30 petang, seramai lebih kurang 100-150 orang berkumpul di sekitar bangunan KLCC. Apabila arahan bersurai tidak diendahkan, ACP Zulkarnain bin Abdul Rahman (SP8) telah mengarahkan pegawai dan anggota polis yang bertugas untuk menjalankan tangkapan. Berdasar keterangan saksi-saksi pendakwaan tangkapan telah dibuat ke atas OKT-OKT di tempat-tempat berlainan sekitar KLCC, Kuala Lumpur.

Intipati Di Bawah s. 143 Kanun Keseksaan

Perhimpunan Yang Menyalahi Undang-undang

[12] Intipati-intipati yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan bagi kesalahan di bawah s. 143 Kanun Keseksaan adalah:

(i) Berlakunya suatu perhimpunan seramai lima orang atau lebih;

(ii) OKT-OKT menjadi seorang anggota perhimpunan yang menyalahi undang-undang; dan

(iii) Tujuan bersama (common object) OKT-OKT dalam perhimpunan adalah hendak melakukan lain-lain kesalahan iaitu mudarat awam.

[13] Seksyen 142 Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa bagi seseorang untuk menjadi anggota suatu perhimpunan yang menyalahi undang-undang, orang tersebut mengetahui akan hal-hal yang menjadikan sesuatu perhimpunan suatu perhimpunan yang menyalahi undang-undang:

(i) dengan sengaja masuk perhimpunan itu; atau

(ii) masih berada di dalamnya.

[14] Bukti niat OKT-OKT bahawa mereka masing-masing terlibat dalam satu perhimpunan yang menyalahi undang-undang adalah satu persoalan fakta (question of fact) dan perlulah dilihat melalui inferens berdasarkan kepada keadaan persekitaran.

Tujuan Bersama

[15] Bagi pembuktian intipati tujuan bersama (common object), perlu dinyatakan bahawa ianya adalah berbeza dari niat bersama (common intention). Bagi intipati tujuan bersama, tiada keperluan untuk menunjukkan terdapat pertemuan minda antara OKT-OKT sebelum perhimpunan menyalahi undang-undang dijalankan. (For common object, there is no need for prior concert or a common meeting of minds before the attack).

[16] Di dalam kes Mahkamah Rayuan *Mohd Haikal Mohd Khatib Saddaly & Ors v. PP* [2011] 5 CLJ 369, telah membincangkan intipati tujuan bersama di bawah s. 149 KK dengan panjang lebar seperti berikut:

> [151] It is now opportune to say something about s. 149 of the Penal Code. That section enacts as follows:
>
> > Every member of an unlawful assembly to be deemed guilty of any offence committed in prosecution of common object
> >
> > 149. If an offence is committed by any member of an unlawful assembly in prosecution of the common object of that assembly, or such as the members of that assembly knew to be likely to be committed in prosecution of that object, every person who, at the time of the committing of that offence, is a member of the same assembly, is guilty of that offence.
>
> [152] The definition of unlawful assembly is set out in s. 141 of the Penal Code. It enacts as follows ...

Perhimpunan Haram

[17] Seksyen 141 Kanun Keseksaan memperuntukkan definisi perhimpunan haram:

> An assembly of five or more persons is designated an 'unlawful assembly', if the common object of the persons composing that assembly is:

(a) to overawe by criminal force, or show of criminal force, the Legislative or Executive Government of Malaysia or any State, or any public servant in the exercise of the lawful power of such public servant; or

(b) to resist the execution of any law, or of any legal process; or

(c) to commit any mischief or criminal trespass, or other offence; or

(d) by means of criminal force, or show of criminal force, to any person, to take or obtain possession of any property, or to deprive any person of the enjoyment of a right of way, or of use of water or other incorporeal right of which he is in possession or enjoyment, or to enforce any right or supposed right; or

(e) by means of criminal force, or show of criminal force, to compel any person to do what he is not legally bound to do, or to omit to do what he is legally entitled to do.

Explanation – An assembly which was not unlawful when it assembled may subsequently become an unlawful assembly.

[153] Section 149 of the Penal Code talks about the "common object" of the assembly as opposed to the "common intention" of several persons. Section 34 of the Penal Code says that when a criminal act is done by several persons, in furtherance of the common intention of all, each of such persons is liable for that act in the same manner as if the act were done by him alone. Now, although s. 34 of the Penal Code does not like s. 149 of the Penal Code create a specific offence, both sections have something in common and that is that each prescribes conditions in which a person may be convicted for something that is constituted a substantive offence by the other provisions of the Code. A classic example is as follows. Where the offence in question is murder in contravention of s. 302 of the Penal Code, s. 34 of the same Code provides that if its conditions are fulfilled then each of the person who has fulfilled them is liable for the murder as if he had committed it alone. And, s. 149 of the same Code provides that if its conditions are fulfilled then any person who fulfils them is by reason of it is guilty of the offence of murder.

Sama Ada Terdapat Kes Prima Facie

[18] Setelah meneliti nota keterangan yang direkodkan oleh Tuan Hj Mohamad Sekeri saya mendapati terdapat banyak keterangan yang amat meragukan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pihak

pendakwaan. Mahkamah ini mendapati keterangan yang ada tidak dapat membuktikan kesemua intipati kesemua pertuduhan terhadap kesemua 43 tertuduh. Ekoran kegagalan pembuktian oleh pihak pendakwaan untuk membuktikan kesemua elemen kesalahan mengakibat mereka juga gagal di dalam membuktikan kes sehingga ke tahap *prima facie*. Butiran kegagalan untuk membuktikan intipati kedua-dua kesalahan tersebut oleh pihak pendakwaan akan dibincangkan bersekali dengan semua pertuduhan terhadap semua tertuduh selepas ini. Ini kerana keadaan dan fakta kes pihak pendakwaan bagi membuktikan intipati kesalahan adalah serupa.

Bagi Kesalahan Di Bawah s. 142 Kanun Keseksaan

Sama Ada Terdapat Perhimpunan

[19] Mahkamah sependapat dengan pihak pembelaan bahawa melalui keterangan yang telah dikemukakan oleh SP2 dan SP6 serta gambar-gambar di eks. P3 dan P10 (yang telah diambil oleh SP2 dan SP6) adalah jelas bahawa tiadanya sebarang perhimpunan seperti yang telah dinyatakan di dalam pertuduhan terhadap tertuduh-tertuduh. Keterangan dari SP12 dan SP35 menyatakan bahawa terdapatnya perhimpunan seramai lapan hingga sepuluh orang di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, keterangan SP12 dan SP35 ini tidak menyatakan secara jelas siapakah lapan hingga sepuluh orang yang dikatakan berhimpun di kawasan tersebut dan juga tidak disokong oleh gambar-gambar di eks. P3 dan P10.

[20] SP8 mengatakan semasa beliau berada di Jalan Ampang, lebih kurang jam 3 petang, terdapat 150 hingga 200 orang yang berarak dari arah Wisma Central menuju ke KLCC dan juga dari arah Public Bank ke arah KLCC. Akan tetapi tidak nyatakan siapakah mereka dan tiada keterangan menunjukkan mereka sedang berkumpul di satu tempat kerana apa yang berlaku mereka sedang berarak dan menuju ke berbagai arah. Tiada satupun gambar-gambar yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan menunjukkan kesemua tertuduh sedang berhimpun. Apa yang ditunjukkan di dalam gambar-gambar tersebut ialah gambar tangkapan dan gambar orang ramai yang melihat kejadian tangkapan.

Sama Ada OKT-OKT Menjadi Seorang Anggota Perhimpunan Yang Menyalahi Undang-Undang

[21] Mahkamah mendapati tiada keterangan yang menunjukkan mana-mana OKT menjadi anggota suatu perhimpunan yang menyalahi undang-undang. Malahan tiada apa-apa keterangan yang

menunjukkan mana-mana OKT secara positif mengetahui akan hal-hal yang menjadikan perhimpunan tersebut pada tarikh 26 Januari 2008 suatu perhimpunan yang menyalahi undang-undang.

[22] Walaupun perintah larangan oleh Majistret bertarikh 25 Januari 2008 dan Pelan Lokasi Protes KLCC 26 Januari 2008 (eks. P5) telah diperolehi pada tarikh 25 Januari 2008 dan tindakan untuk memberitahu penama-penama dalam perintah telah dilakukan serta perintah larangan tersebut juga diwar-warkan melalui sidang media dan akhbar serta menampal eks. P5 di dalam kawasan Dang Wangi tetapi ini tidak bermakna yang mereka telah benar-benar tahu atau sedar tentang perintah tersebut.

[23] Keterangan menunjukkan hampir kesemua mereka ditangkap pada hari tersebut bukan kerana mereka melanggar mana-mana undang-undang sebagaimana pertuduhan, tetapi mereka ditangkap kerana diarah oleh ACP Zulkarnain (SP8) setelah beliau memberi arahan supaya bersurai. Mahkamah bersetuju dengan hujahan pembelaan bahawa mengikrar perintah supaya bersurai bukanlah satu kesalahan.

Sama Ada OKT Mempunyai Tujuan Sama

[24] Mahkamah ini juga sedar bahawa tiada keterangan dari saksi pihak pendakwaan yang menunjukkan kesemua OKT mempunyai tujuan yang sama dengan tertuduh-tertuduh yang lain ketika berada di sekitar KLCC dan di hadapan pintu masuk Stesen LRT Ampang Park, Jalan Ampang pada 26 Januari 2008. Malahan lebih parah lagi apabila pertuduhan tidak menyebut perkataan "tujuan bersama" yang mana menjadikan pertuduhan tersebut cacat.

Mudarat Awam

[25] Pihak pendakwaan juga tidak berupaya mempamerkan kepada mahkamah ini apakah tujuan yang sama yang telah lakukan oleh semua tertuduh seperti pertuduhan. Berdasarkan pertuduhan tujuan sama yang didakwa adalah melakukan mudarat awam. Malangnya tiada apa-apa asas dari pihak pendakwaan yang menunjukkan mereka yang berada di sekitar kawasan tersebut telah melakukan mudarat awam.

[26] Malahan mahkamah bersetuju dengan pandangan pihak pembelaan bahawa tiada di mana-mana di bawah s. 141 Kanun Keseksaan wujud peruntukan "mudarat awam". Mahkamah ini juga sehaluan pendapat dengan pembelaan bahawa pihak pendakwaan

tidak wajar menjadikan kesalahan mudarat awam sebagai ditafsirkan sebagai lain-lain kesalahan sebagaimana disebut di dalam s. 141(c) Kanun Keseksaan tersebut.

[27] Adalah tidak wajar ditafsirkan mudarat awam itu secara luas dan umum yang merangkumi apa sahaja kesalahan. Pemakaian secara umum tafsiran tersebut sudah tentu akan memprejudiskan tertuduh kerana pihak pendakwaan gagal mendedahkan sifat kesalahan tersebut dengan tepat. Ada keterangan yang mengatakan perhimpunan pada hari tersebut adalah untuk membantah kenaikan harga minyak petrol, jika ini benar mahkamah tidak nampak di manakah mudarat awam tersebut.

[28] Mahkamah bersetuju dengan hujahan pihak pendakwaan bahawa sesuatu arahan ataupun perintah bersurai boleh dikeluarkan bagi mengelakkan sesuatu arahan ataupun perintah bersurai boleh dikeluarkan bagi mengelakkan sesuatu perhimpunan yang menyalahi undang-undang wujud sekiranya terdapat fakta-fakta yang kukuh yang dapat menunjukkan bahawa ia akan mendatangkan kacau ganggu ataupun keadaan-keadaan yang dinyatakan dalam s. 141. Malang ini tidak dilakukan oleh pihak berkuasa.

[29] Selain daripada itu, pihak pendakwaan haruslah membuktikan bahawa OKT-OKT ditahan kerana mereka terlibat dalam perhimpunan yang menyalahi undang-undang tersebut dan bukanlah semata-mata kerana mereka berada di kawasan tersebut ataupun sekitarnya pada hari kejadian. Fakta bahawa seseorang itu hanya berada di kawasan sekitar semasa kejadian seperti ini berlaku tidak cukup untuk membuktikan bahawa orang itu turut terlibat sama dalam perhimpunan yang menyalahi undang-undang ini. Hal ini telah diputuskan dalam kes *State v. Bhairu Sattu Berad* [1956] Cr LJ 1066 ms. 52 di mana mahkamah telah memutuskan:

> The mere fact that a person resides in the same street or his mere presence at the time when the offence of rioting is committed, is not sufficient to show that he was a member of the unlawful assembly, which committed the offence.

[30] Sementara itu dalam kes *Baladin & Ors v. State of Uttar Pradesh* AIR [1956] SC 181 ms. 58), Supreme Court di India juga telah memutuskan bahawa:

> It is well settled that mere presence in an assembly does not make such a person a member of an unlawful assembly unless it is shown that he had done something which would make him a member of an unlawful assembly, or unless the case falls under section 142 of the Indian Penal Code.

[31] Hakim Tek Chand J dalam kes *Durga Dass Sohanlal & Ors v. The State* [1960] AIR Pun 271, juga menegaskan bahawa dalam kes-kes di bawah s. 143 ini adalah penting untuk membezakan di antara anggota-anggota perhimpunan dengan mereka yang sekadar memerhati:

> In order to determine common object of the assembly, circumstances of the case, the attitude and deportment of the persons, assembled very often furnish key to their mental bent. A person who encourages, or promotes, or takes part in rioting, whether by word, signs, or gestures or even by wearing the badge or ensign of the rioters, he becomes a rioters, for in this case all are deemed principals. On the other hand a mere presence without encouragement is not enough to establish criminality.

[32] Mahkamah bersetuju dengan pandangan pihak pembelaan bahawa kawasan KLCC dan juga sekitarnya merupakan kawasan tumpuan orang ramai, lebih-lebih lagi hari kejadian tersebut pada 28 Januari 2008 merupakan hari Sabtu, hari cuti umum. Seperti kebiasaan KLCC dan kawasan sekitarnya sudah pasti akan menjadi destinasi hujung minggu bagi orang ramai. Oleh yang demikian, adalah penting untuk pihak pendakwaan membuktikan bahawa OKT-OKT yang telah dipertuduhkan telah secara langsung mempunyai tujuan bersama untuk menyertai perhimpunan yang menyalahi undang-undang tersebut dan bukanlah sekadar orang awam yang datang bersiar-siar pada hujung minggu.

[33] Berdasarkan keterangan-keterangan yang telah dikemukakan oleh saksi-saksi pihak pendakwaan, tiada bukti jelas yang dapat menunjukkan apakah sebab sebenar OKT-OKT ditahan pada hari kejadian tersebut. Adakah OKT-OKT ditahan kerana menyertai satu perhimpunan yang menyalahi undang-undang, atau gagal untuk mematuhi satu perintah mahkamah (P5) yang telah dikeluarkan tersebut, atau pun semata-mata OKT berada di tempat yang salah pada masa yang salah.

[34] Memang benar hujahan pihak pembelaan, oleh kerana elemen utama di bawah peruntukan s. 141 tidak dapat dibuktikan, maka secara tidak langsung telah terputusnya rantaian keterangan bagi keterangan yang dibawa oleh pihak pendakwaan dan justeru itu, keseluruhan pertuduhan di bawah s. 143 tidak dapat dibuktikan.

Bagi Kesalahan Di Bawah s. 188 Kanun Keseksaan

Sama Ada Perintah Yang Diisytiharkan Oleh Seorang Seperti Majistret (P5) Sah

[35] Perintah mahkamah (P5) telah diberikan pada 25 Januari 2008 oleh Majistret Aizatul Akmal bin Maharani. Kandungan P5 tersebut adalah berkenaan perintah larangan terhadap Dr Hatta bin Ramli (OKT40), Chuah Tian Chuan (OKT39), Arutchelvan a/l Subramaniams (OKT1), Ooi Dze Min, Ronnie Liew dan mana-mana Penyokong Gabungan Protes untuk melangsungkan perhimpunan berkenaan bantahan terhadap kenaikan harga minyak petrol dan barangan keperluan asas di hadapan bangunan KLCC pada 26 Januari 2008.

[36] Mahkamah mendapati P5 tersebut tidak menyebut semua nama-nama tertuduh lain secara khusus. P5 tersebut juga tidak menjelaskan secara terperinci mengenai siapakah yang dimaksudkan sebagai Penyokong Gabungan Protes. Juga didapati perintah P5 tersebut menyatakan bahawa perhimpunan di dalam jarak radius 1km dari bangunan KLCC meliputi persimpangan Jalan Ampang-Jalan Lumba Kuda serta persimpangan Jalan Ampang-Jalan P. Ramlee (Zon A) dan di dalam jarak radius 1km dari bangunan Masjid As-Syakirin meliputi Jalan Lumba Kuda-Jalan Binjai (Zon B) adalah dilarang untuk dilakukan. P5 tersebut juga turut dilampirkan dengan plan lokasi bagi menerangkan kawasan Zon A dan kawasan Zon B.

[37] Mahkamah ini akur bahawa elemen pengetahuan adalah penting dalam kes di bawah s. 188 ini yang mana perlu dibaca dengan s. 90 KPJ. Peruntukan dalam s. 90 KPJ adalah penting kerana matlamat utamanya ialah untuk memastikan bahawa perintah mahkamah tersebut dihantar serah dan sampai ke pengetahuan penama-penama. Sepertimana di dalam kes *Niharendu Dutt Majumdar v. Emperor* AIR 1939 Cal 703, (s. 188 Indian Penal Code adalah serupa dengan s. 188 Kanun Keseksaan) hukuman yang dikenakan ke atas tertuduh telah diketepikan kerana ketiadaan keterangan yang dapat membuktikan bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan terhadap perintah mahkamah tersebut. Henderson H dalam kes tersebut telah menyatakan bahawa:

> It was said that the petitioners knew of the order because they were told of it by the Sub-Inspector while the meeting was actually going on. The evidence on this point is extremely scant and is to be found on the deposition of PW1, PW3, PW4, PW1,

> the Sub-Inspector says that he ordered the crowd to disperse as they had assembled in violation of the order. The order was given in audible voice and part of the crowd actually dispersed. It is, of course, difficult for him to say whether the order was audible to other persons or not. PW3, the Town Inspector, corroborates this account of the action taken by the officer-in-charge of the thana and adds that petitioner 1 and five other persons were addressing the meeting at the time. P.W.4 merely says that the Police arrived and began to move people telling them that there was a Sec. 144 order. It appears that his version is not quite the same. From its evidence it is abundantly clear that no personal communication was made to any of the petitioners. There is no distinct evidence as to relative positions of the petitioners and the thana officer in the crowd …
>
> … The actual order is capable of more interpretation than one. Before it can be said that the petitioners had knowledge of the order, it must be shown its terms were communicated to them. Instead of doing that, the Sub-Inspector merely gave his own interpretation of it, which is quite a different thing …

[38] Sementara di dalam kes *State v. SM Tugla* AIR 1955 All 423 dan juga kes *Nandlal Mitra v. State* AIR 1968 Cal 523, mahkamah turut memutuskan bahawa seperti berikut:

> … the order must be deemed to have been duly "promulgated" so far as they are concerned. The word "promulgate" means "to make known by public declaration, to publish, to disseminate or to proclaim". In essence of the word connotes two ideas: (1) making known of an order, and (2) the means by which the order is made known must be by something done openly and in public. Private information will not be "promulgation" …

[39] Sepertimana yang telah dibincangkan dalam kes-kes di atas perintah yang diisytiharkan mestilah disampaikan supaya ianya diketahui oleh penama-penama mahupun orang ramai secara umumnya. Mahkamah mendapati penyampaian perintah mahkamah tersebut telah menimbulkan banyak keraguan dan kekeliruan dalam kes ini. Ini kerana berdasarkan keterangan SP5, adalah jelas bahawa perintah mahkamah tersebut tidak disampaikan dengan sempurna kepada penama-penama mahupun orang awam. Penampalan salinan-salinan perintah mahkamah tersebut di dalam zon larangan itu sendiri telah menimbulkan banyak kekeliruan. Malahan sepertimana yang telah dibincangkan di atas, penampalan sahaja tidak akan mencukupi kerana kandungan perintah mahkamah tersebut juga tidak tepat dan mengelirukan. Mahkamah bersetuju dengan hujahan pihak pembelaan bahawa tanpa penyampaian yang

sempurna, OKT-OKT tidak boleh dikatakan mempunyai pengetahuan yang khusus mengenai perintah mahkamah tersebut serta kandungannya.

[40] Perintah mahkamah tersebut juga dilampirkan bersama-sama peta lakaran bagi memberikan gambaran kawasan-kawasan yang menjadi kawasan larangan. Walau bagaimanapun didapati perintah mahkamah serta peta lakaran tersebut adalah mengelirukan dan sukar untuk difahami. Mahkamah bersetuju dengan hujahan pembelaan bahawa kekeliruan ini boleh menyebabkan sesiapa sahaja yang membaca perintah mahkamah tersebut membuat pelbagai penilaian yang berbeza-beza.

[41] Sepertimana yang telah diputuskan dalam kes *Niharendu Dutt Majumdar v. Emperor* AIR 1939 Cal 703, sesuatu perintah itu mestilah mengandungi perkataan-perkataan jelas dan terang tentang maksud yang ingin disampaikan:

> … The actual order is capable of more interpretation than one. Before it can be said that the petitioners had knowledge of the order, it must be shown its terms were communicated to them. Instead of doing that, the Sub-Inspector merely gave his own interpretation of it, which is quite a different thing …

Penyampaian Perintah Tersebut

[42] Mahkamah ini juga akur adalah undang-undang yang mantap bahawa, mana-mana perintah yang telah dikeluarkan di bawah peruntukan Kanun Tatacara Jenayah mestilah disampaikan mengikut prosedur yang telah ditetapkan di bawah s. 90 Kanun Tatacara Jenayah. Seksyen 90 memperuntukkan bahawa:

> Seksyen 90
>
> (a) Perintah yang dibuat di bawah peruntukkan di dalam Bab IX Kanun Tatacara Jenayah, sejauh mana yang praktikal, dihantar serah kepada individu yang dinamakan di dalam Perintah tersebut mengikut cara penyerahan yang dinyatakan di dalam Kanun ini.
>
> (b) Sekiranya perintah itu tidak dapat dihantar serah, ia haruslah diwartakan di dalam Warta Kerajaan, dan salinannya di tampal di mana-mana tempat yang bertujuan untuk memaklumkannya kepada individu tersebut.

[43] Kegagalan mematuhi kehendak s. 90 KPJ di dalam penyampaian perintah tersebut kepada tertuduh amat memudaratkan kes pihak pendakwaan. Ini ditambah bahawa tiada apa-apa keterangan yang

menunjukkan OKT-OKT mengetahui akan hal-hal yang menjadikan perhimpunan tersebut pada tarikh 26 Januari 2008 suatu perhimpunan yang menyalahi undang-undang. Mahkamah juga mendapati tiada keterangan yang menunjukkan perintah tersebut telah diserahkan kepada kelima-lima orang tertuduh yang dinamakan di dalam perintah tersebut secara serahan kediri.

Sama Ada Perintah Tersebut Diketahui Oleh OKT Lain Orang Yang Diarahkan Di Dalam Perintah Tersebut

[44] Berdasarkan keterangan yang dikemukakan jelas menunjukkan bahawa tertuduh lain yang tidak dinamakan di dalam perintah P5 tidak mempunyai pengetahuan khusus mengenai P5 tersebut. Memandangkan tertuduh-tertuduh lain bukanlah salah seorang daripada lima orang penama yang dinyatakan di dalam P5 tersebut dan tidak dipastikan sebagai salah seorang Penyokong Gabungan Protes, maka sudah pastilah mereka tidak akan diserahkan dengan sesalinan P5 tersebut sebelum kejadian pada 26 Januari 2008. Mereka juga gagal dimaklumkan berkenaan P5 tersebut pada hari kejadian. Ini dibuktikan melalui keterangan SP35 bahawa kesemua tertuduh telah ditangkap di kawasan terbabit (di hadapan pintu masuk stesen LRT Ampang Park) telah bertanyakan kepada beliau sebab kenapakah tangkapan terhadap mereka dilakukan.

Sama Ada Perintah Tersebut Telah Diingkari

[45] Mahkamah bersetuju dengan pandangan pihak pembelaan bahawa seseorang itu tidak boleh dianggap telah ingkar perintah (P5) sekiranya tidak tahu mengenainya. Hanya bila telah mengetahuinya, barulah seseorang itu boleh dianggap ingkar jika masih melakukan apa yang telah dilarang di dalam P5. Eksibit P51 (peta) dan eks. P51a (peta besar) tidak pernah ditunjukkan kepada mana-mana individu di kawasan KLCC dan sekitarnya.

[46] Malahan sebahagian besar tertuduh telah ditangkap di kawasan LRT Ampang Park yang mana diakui oleh saksi pendakwaan ianya tidak termasuk di dalam Zon A ataupun Zon B. Keterangan menunjukkan sebahagian besar tertuduh tidak pernah sama sekali berada di dalam kedua-dua zon larangan tersebut. Bahkan, sekiranya stesen LRT Ampang Park termasuk di dalam Zon A atau Zon B (iaitu dalam jarak 1km radius), eks. P51 dan P51a tidak pernah ditunjukkan kepada mana-mana individu pada hari kejadian tersebut bagi mengukuhkan lagi jarak kiraan sebenar

1km radius tersebut. Sebaliknya, eks. P51 dan P51a hanya dikemukakan pada hari perbicaraan sahaja melalui saksi SP36 iaitu Zahari bin Zamlope.

Adakah Tertuduh Penyokong Gabungan Protes

[47] Tiada keterangan yang menunjukkan secara positif bahawa kesemua tertuduh adalah Penyokong Gabungan Protes. Mahkamah bersetuju dengan hujahan pihak pembelaan bahawa keterangan SP35 yang mengatakan seseorang itu adalah Penyokong Gabungan Protes berdasarkan kepada pakaian dan keadaan seseorang itu tidak boleh diterima. Ini kerana, tiada sebarang gambar di eks. P3 dan P10 yang boleh menyokong kenyataan SP35 tersebut. Malahan SP35 hanya membuat tangkapan berdasarkan kepada arahan SP12 semata-mata tanpa memastikan bahawa perlanggaran undang-undang telah berlaku pada hari tersebut. Malahan SP35 mengesahkan bahawa tiada terdapat sebarang gambar yang menunjukkan tertuduh atau lain-lain orang kena tuduh yang telah ditangkap pada hari tersebut memakai sebarang lencana ataupun logo.

Adakah Keingkaran Menyebabkan Atau Mungkin Menyebabkan Kegusaran

[48] Sepertimana yang diperuntukkan dalam s. 188, ketidakpatuhan kepada perintah mahkamah tersebut haruslah menyebabkan:

(a) Halangan, kegusaran ataupun risiko tertentu kepada mana-mana pihak yang bertugas dengan sah; atau,

(b) Mengancam nyawa, kesihatan ataupun keselamatan; atau,

(c) Menyebabkan rusuhan atau pergaduhan.

[49] Dalam kes *Dalganjan Koeri & Ors v. State* AIR [1956] All 630, Mehrotra J telah memutuskan bahawa:

> The disobedience of an order promulgated by a public servant, which has been punishable by S. 188 1. P.C must be a disobedience which causes or tends to cause obstruction, annoyance or injury or risk of obstruction, annoyance or injury to any person lawfully employed … The disobedience of any order passed in favour of a party to the litigation by a court may result in annoyance to the party in whose favour it has been passed, but it cannot be said that it necessarily causes or tends to cause obstruction or annoyance or injury to any person.

[50] Selanjutnya, dalam kes *Pradip Chowdhury v. State* AIR [1960] Assam 20, Mehrotra J telah menyatakan bahawa:

> In order to establish that annoyance was the result of the disobedience of the order, there must be some proximity between the conduct of the accused and disobedience. The annoyance has to be proved as a fact; mere mental annoyance of the authorities concerned does not come within Sec. 188, I.P.C. If that interpretation is accepted then Sec. 188 will apply in all cases of the breach of order. Where an order has been and in any breach is committed of that order, the authorities can legitimately say that the breach itself has led to their annoyance.
>
> But that is not contemplated by Sec. 188, I.P.C. Unless the conduct of the accused is pointed out which in the circumstances of the case would have caused annoyance or interference with the public safety, Sec. 188 is not attracted. It cannot be said that the prosecution has succeeded in establishing that the breach of the order results or tends tor results in annoyance of the authorities lawfully constituted.

[51] Mahkamah dalam kes *Bharat Raut & Others v. The State* AIR 1953 Cri LJ 1787 (IA JILID 1), *Emperor v. Raghunath Venaik Dhulekar & Anor* AIR 1925 All 165 (IA JILID 1) dan juga *Saroj Hazra v. King Emperor* 48 Cr LJ 1947, 747, memutuskan bahawa:

> Under s. 188 mere disobedience of an order made by a public servant lawfully is not punishable. Thus where the only finding of the court was that the act of the petitioner was done stealthily in the night, it clearly indicated that the petitioners took some precautions to prevent it being known as to what they were doing or intended to do and their act, although disobedience of an order of the court, was not done in circumstances which tended to cause riot or affray.

[52] Berdasarkan nas-nas di atas mahkamah bersetuju dengan pihak pembelaan bahawa akibat daripada ketidakpatuhan perintah mahkamah tersebut haruslah dibuktikan melalui keterangan-keterangan yang jelas dan bukanlah sekadar melalui satu "judicial notice" bahawa adanya halangan, kegusaran ataupun risiko tertentu kepada mana-mana pihak yang bertugas dengan sah; atau, mengancam nyawa, kesihatan ataupun keselamatan; atau, menyebabkan rusuhan atau pergaduhan. Ini tidak dibuktikan oleh pihak pendakwaan di dalam kes sekarang ini.

[53] Mahkamah juga sehaluan pendapat dengan pembelaan bahawa seseorang itu tidak boleh disabitkan dengan kesalahan sekiranya dia hanya melanggari perintah yang dikeluarkan. Ketidakpatuhan perintah yang dikeluarkan di bawah s. 188 ini haruslah mencetuskan perkara-perkara sepertimana yang dinyatakan dalam seksyen tersebut. Walau bagaimanapun, adalah jelas melalui keterangan-keterangan saksi pihak pendakwaan bahawa keadaan pada hari kejadian adalah tenang dan terkawal.

[54] Di dalam kes di hadapan mahkamah sekarang ini, apa yang terjadi ialah tangkapan di tempat kejadian pada hari tersebut telah dibuat berdasarkan kepada arahan yang telah diberikan oleh SP12. Tertuduh-tertuduh telah melarikan diri apabila dihampiri oleh SP35 dan anggota-anggota polis lain yang bertugas pada hari tersebut yang berpakaian preman (rujuk P48). Tiada sebarang gambar di eks. P3 dan P10 yang menunjukkan adanya tindakan pengawasan dilakukan oleh pihak polis dan tiada sebarang amaran diberikan sebelum tangkapan dilakukan. Oleh itu apa sebenarnya yang terjadi ialah, perasaan galang atau gusar sebenarnya dihadapi oleh tertuduh dan bukanlah oleh anggota polis yang bertugas di hadapan di tempat kejadian apabila mereka ditangkap oleh polis. Bahkan, tiada laporan di dalam eks. P48 yang menyatakan bahawa tertuduh telah diminta secara berhemah dan bersopan untuk diperiksa oleh mereka.

Pertuduhan Di Bawah s. 186 Kanun Keseksaan Terhadap OKT36

[55] OKT36 pula telah dipertuduhkan dengan kesalahan di bawah s. 186 iaitu menghalang penjawat daripada menjalankan kerja-kerja jawatannya. Seksyen 186 memperuntukkan bahawa:

> Menggalang penjawat awam pada menjalankan kerja-kerja jawatannya.
>
> Barang siapa dengan sengaja menggalang seorang penjawat awam pada menjalankan kerja-kerja jawatannya, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda yang boleh sampai sepuluh ribu ringgit, atau dengan kedua-duanya.

Berdasarkan s. 186, seseorang itu boleh dikatakan melakukan kesalahan tersebut sekiranya:

(i) Pihak yang dihalang tersebut merupakan seorang penjawat awam;

(ii) Semasa melakukan halangan tersebut, penjawat awam tersebut sedang menjalankan kerja-kerja jawatannya.

[56] Halangan sepertimana yang dinyatakan dalam seksyen ini haruslah sesuatu yang bukanlah sekadar satu ugutan atau pertuturan kata-kata kesat sahaja. Sepertimana yang diputuskan dalam kes *Abhiram Sahai v. State* (1960) 2 Orissa ID 401; 26 Cut LT 596. Sesuatu ugutan itu perlulah disertai dengan tindakan yang agresif atau perlakuan yang mengancam sebelum ianya boleh dianggap sebagai satu halangan. Di dalam kes ini mahkamah mendapati tiada keterangan yang menunjukkan bahawa OKT36 telah bertindak agresif atau perlakuan yang mengancam yang membolehkan dia dianggap menghalang penjawat awam.

Keputusan Pada Akhir Kes Pendakwaan

[57] Sebagai rumusannya, berdasarkan semua alasan yang telah dihuraikan di atas dan setelah menimbangkan dengan teliti dan berhati-hati semua keterangan yang direkodkan oleh Hakim Tuan Haji Mohamad Sekeri secara penilaian maksima serta juga hujahan oleh semua pihak yang panjang lebar, mahkamah ini mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan hampir kesemua intipati kesalahan sebagaimana semua pertuduhan terhadap kesemua tertuduh. Mahkamah mendapati terdapat banyak keraguan yang munasabah di dalam keterangan pihak pendakwaan. Dengan dapatan ini bermakna pihak pendakwaan telah gagal membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap kesemua tertuduh sebagaimana pertuduhan. Pada hemat mahkamah ini, di atas fakta-fakta dan keadaan kes ini, sewajarnya semua tertuduh di dalam kesemua kes ini dilepaskan dan dibebaskan dari bagi kesalahan di bawah s. 143 dan 183 Kanun Keseksaan serta bagi OKT36 (Syed Jaymal bin Syed Kamal) di bawah s. 186 Kanun Keseksaan tanpa perlu dipanggil untuk memasukkan pembelaan mereka. Bon jaminan kesemua OKT juga dikembalikan.